



LAPORAN TAHUNAN 2023 RISDA HOLDINGS

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN Pengerusi **03**

ULASAN KETUA Pegawai Eksekutif Kumpulan **04**

PROFIL AHLI Lembaga Pengarah **05**

PENGURUSAN Tertinggi **06**

CARTA ORGANISASI **07**

Pengenalan RISDA Holdings Sdn. Bhd. **10**

BUTIRAN KORPORAT **11**

Pengenalan *RISDA Anti-Corruption Plan (RACP)* **12**

RETROSPEKTIF 2023 **13**

LANDSKAP OPERASI **19**

KELESTARIAN PERNIAGAAN **56**

RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 2023 **63**

PERUTUSAN PENGURUSI RHSB



YB Dato' Indera Mohd Shahr Bin Abdullah
Pengurus RISDA Holdings Sdn. Bhd.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur kita rafakkan kepada Allah SWT atas kurnia dan limpah rahmatNya, serta usaha dan dedikasi kakitangan RISDA Holdings Sdn. Bhd. (RHSB), maka Laporan Tahunan RHSB 2023 ini dapat diterbitkan.

Laporan Tahunan ini pastinya akan menjadi bukti dan sumber rujukan yang merangkumkan pelan dan perancangan, gerak kerja, sumbangan dan pencapaian RHSB bagi tahun 2023.

Di sebalik ketidaktentuan ekonomi, serantau dan dunia, juga kesan sirna pasca pandemik yang masih ada kesan dan impaknya pada tahun 2023, Laporan Tahunan ini mampu menjadi wadah dalam menerangkan komitmen dan kejayaan RHSB dan Kumpulan RISDA Holdings (KRH) khususnya dalam mendepani kepelbagaian kerumitan globalisasi.

Saya yakin dan percaya, bahawa ketekunan dan penegasan dalam membudayakan moto “High Performance Culture” dalam segenap lapisan kakitangan RHSB, mampu menjadi senjata ampuh bagi memastikan bahawa RHSB dan juga KRH sentiasa berada di tahap yang membanggakan.

Selain daripada itu, penekanan ke atas kemampanan di dalam operasi syarikat, khususnya kepada kesemua subsidiari yang berteguh di dalam KRH, merupakan kunci kepada kejayaan-kejayaan yang dikecapi sepanjang tahun 2023.

Dapat dilihat bahawa subsidiari KRH di bawah pemilikan RHSB menunjukkan prestasi yang membanggakan, lebih berdaya saing, memperhebat diversifikasi perniagaan mereka, dan seiring itu juga memperlihatkan pertumbuhan perniagaan yang memberangsangkan.

Ini adalah bertepatan dengan harapan dan sasaran yang diletakkan oleh pemegang-pemegang taruh dan pihak-pihak berkepentingan yang mahu melihat RHSB dan subsidiari KRH menjadi syarikat-syarikat yang boleh dibanggakan dan menjadi pemain-pemain industri yang relevan dan dinamik.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada barisan Ahli Lembaga Pengarah RHSB di atas segala curahan pengalaman serta kesungguhan komitmen yang telah dipamerkan. Kebersamaan ini adalah resipi kepada sasaran untuk menempa kejayaan yang lebih besar dan melangkah lebih maju ke hadapan.

Semoga segala langkah yang diusahakan oleh RHSB dalam mengemudi KRH juga sasaran perkembangan organisasi bagi menjadi sebuah syarikat yang memiliki kesungguhan, integriti dan profesionalisme yang tinggi dapat tercapai.

Sekian, terima kasih.

ULASAN

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Mewakili pihak pengurusan RISDA Holdings Sdn. Bhd. (RHSB), saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahun RHSB bagi tahun 2023.

Laporan ini memberi signifikasi dan gambaran perjalanan RHSB dan juga Kumpulan RISDA Holdings (KRH) sepanjang tahun 2023. Walaupun tahun 2023 amat mencabar, RHSB dan KRH telah dapat melakar pelbagai pencapaian yang boleh dibanggakan, dan ianya mampu menjadi pemangkin ke arah pencapaian yang lebih baik pada masa akan datang.

Penekanan kepada Tadbir Urus Korporat yang baik, pelan dan perancangan strategik yang dirangka dan diaplikasi, juga pembudayaan integriti menjadi tunjang kepada keberhasilan yang dikecapi pada tahun 2023. Ini adalah usaha semua, dari segenap lapisan, samada pengurusan tertinggi mahupun kakitangan di lapangan.

Di dalam setiap aktiviti dan gerak kerja, RHSB sentiasa menyasarkan agar matlamat yang ditetapkan oleh pemegang saham iaitu kekuatan menjana pendapatan dan sentiasa berada di dalam keadaan solven, pulangan dividen kepada pemegang saham, ikhtiar dan usaha meningkatkan pendapatan pekebun kecil, juga jaminan kesejahteraan kakitangan dapat tercapai dan membuahkan hasil.

Pastinya juga, dukungan dan sokongan daripada barisan Ahli Lembaga Pengarah RHSB menjadi batu loncatan untuk RHSB bergerak lebih berani dan lebih maju ke hadapan. Wawasan baru serta anjakan hala tuju disambut baik oleh pasukan pengurusan RHSB dalam membina ketahanan dan keteguhan RHSB dan KRH secara keseluruhan.



Encik Zainal Azni bin Zulkifli
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
RISDA Holdings Sdn. Bhd.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas sokongan oleh Pengurusan Tertinggi RISDA, semua barisan Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Eksekutif KRH, dan pastinya kepada semua warga kerja RHSB dan KRH di atas komitmen dan kesungguhan berterusan yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2023.

Teruslah kita berusaha agar kegemilangan dan pencapaian yang telah kita garapkan pada tahun 2023 ini menjadi 'catalyst' kepada kecemerlangan berterusan.

Insya Allah. Terima kasih.

AHLI LEMBAGA PENGARAH RISDA HOLDINGS SDN. BHD.



YB Dato' Indera Mohd Shahr Bin Abdullah
Pengerusi RISDA Holdings Sdn. Bhd



YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi
Wakil Kementerian Kemajuan
Desa dan Wilayah



YBhg. Datuk Abdullah bin Zainal @ Deraman
Wakil RISDA



YBhg. Datuk Mohammad Izat bin Lebai Hasan
Ahli Profesional



YBhg. Datin Maizatun Akmal binti Hj Alawi @ Ad Badawi
Ahli Profesional



YBhg. Dato' Ikmal Hijaz bin Hashim
Ahli Profesional

PENGURUSAN TERTINGGI RISDA HOLDINGS SDN. BHD.



ZAINAL AZNI BIN ZULKIFLI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
zainalazni@risdaholdings.com.my

MOHD RUSLEE BIN ISMAIL
TIMBALAN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
ruslee@risdaholdings.com.my



ALIAS BIN IBRAHIM
PENGURUS BESAR
JABATAN PERANCANGAN & PEMBANGUNAN
KORPORAT
alias@risdaholdings.com.my

KHAIROL NAZREE BIN ABU BASIR
PENGURUS BESAR
JABATAN PENTADBIRAN & SUMBER
MANUSIA
nazree@risdaholdings.com.my



PUTERA BIN SIDEK
PENGURUS BESAR
JABATAN KEWANGAN & PERAKAUNAN
putera@risdaholdings.com.my

HJ. MOHAMAD RIZAL BIN MUSTAPA
PENGURUS BESAR (TANGGUNG KERJA)
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
rizal@risdaholdings.com.my




ERWAN BIN ARSHAD
PENGURUS BESAR
JABATAN AUDIT DALAM
erwan@risdaholdings.com.my


KOSONG
PENGURUS BESAR
JABATAN PERUNDANGAN &
KESETIAUSAHAAN



CARTA ORGANISASI RISDA HOLDINGS SDN. BHD.



CARTA ORGANISASI KUMPULAN RISDA HOLDINGS





PENGENALAN RISDA HOLDINGS SDN. BHD.

RISDA Holdings Sdn. Bhd. (RHSB) ditubuhkan pada 5 April 2011, memiliki ekuiti penuh sejumlah 13 syarikat yang membentuk rantai operasi perniagaan yang lengkap. Ia termasuk perladangan dan segmen sokongan, menyempurnakan dari segi insurans, kawalan keselamatan dan lain – lain pelengkap rantai.

Pelanggan kami terdiri dari Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Sime Darby Plantation Berhad, Boustead Plantations, Tradewinds Plantation Berhad, agensi – agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan berkembang dari masa ke semasa dengan rangkaian pelanggan dari seluruh Malaysia. Syarikat – syarikat di bawah Kumpulan RISDA Holdings dibahagikan kepada dua segmen, iaitu Sektor Perladangan dan Sektor Perkhidmatan.

RISDA Holdings Sdn. Bhd. (RHSB) selaku pemegang saham kepada semua – semua syarikat adalah dipandu oleh empat (4) Bidang Fokus Utama iaitu :

- 1 Memperkukuh Fungsi Berpusat iaitu:
 - Jabatan Kewangan dan Perakaunan
 - Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia
 - Jabatan Teknologi Maklumat
 - Jabatan Perancangan dan Pembangunan Korporat
 - Jabatan Perundangan, Kesetiausahaan dan Pematuhan
 - Jabatan Audit Dalam
- 2 Memastikan Kelestarian Perniagaan KRH;
- 3 Memperkasakan Modal Insan; dan
- 4 Mendukung Dasar RISDA.

BUTIRAN KORPORAT RISDA HOLDINGS SDN. BHD.

SETIAUSAHA SYARIKAT

Norulhayati Binti Mohamad
(norulhayati@risdaholdings.com.my)

(MACS 01558)

Mohd Amirul Ashraf Bin Mazli
(amirul@risdaholdings.com.my)

(LS0009901)

ALAMAT PEJABAT

Tingkat 24, Menara Korporat RISDA
Jalan Ampang Ulu 3
55000 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

PEJABAT URUSAN

Tingkat 26, Menara Korporat RISDA
Jalan Ampang Ulu 3
55000 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

BANK UTAMA

CIMB Bank Berhad

JURU AUDIT

Tetuan Wan Nadzir & Co. (AF1234)

PENGENALAN ***RISDA ANTI – CORRUPTION PLAN (RACP)***

Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 29 Januari 2019. Melalui Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2, No. 1 Tahun 2018 berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional, setiap Jabatan, Agensi dan Kerajaan Negeri hendaklah membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) di peringkat organisasi masing-masing dalam tempoh lima (5) tahun berkuatkuasa dari tarikh NACP dilancarkan.

Justeru itu, RISDA telah membangunkan **RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019 – 2023** yang akan menjadi dokumen utama dan panduan kepada organisasi mengenai tindakan dan langkah yang menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah dan salah guna kuasa dalam organisasi.

Visi RACP adalah ke arah melahirkan warga RISDA dan Syarikat Milikan RISDA (SMR) yang bebas rasuah dan salah laku. Terdapat dua (2) misi yang disasarkan iaitu Pertama: Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti berdasarkan tadbir urus baik dan, Kedua: Mewujudkan persekitaran perniagaan yang bersih.

National Anti – Corruption Strategy (NACS) akan dilancarkan pada pertengahan tahun 2024 oleh Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan akan digunapakai oleh Kumpulan RISDA Holdings (KRH) bagi menggantikan Pelan Anti Rasuah Nasional 2019 – 2023 (NACP 2019 – 2023) yang akan tamat hujung tahun ini. Begitu juga RACP 2019 – 2023 akan berakhir pada 31 Disember 2023.

RETROSPEKTIF 2023

RISDA HOLDINGS SDN. BHD.

PEMBUKAAN RISSMART BUTCHERY



Perasmian outlet pertama RisSMart Butchery di Taman Melawati oleh YBhg. Datuk Abdullah bin Zainal, Ketua Pengarah RISDA



Antara produk-produk yang dijual di RisSMart Butchery (Ayam, Lembu dan Kambing)



Penjualan hari pertama pembukaan RisSMart Butchery



Pelanggan-pelanggan yang datang untuk membeli produk-produk RisSMart Butchery

RETROSPEKTIF 2023

RISDA HOLDINGS SDN. BHD.


PROCESSING & DISTRIBUTION CENTER (PDC) BAGI RISSMART BUTCHERY



Team RisSMart Butchery bersama Pengurusan Tertinggi RISDA Holdings Sdn. Bhd.



Lawatan ke PDC oleh Zajas Sdn. Bhd.



Proses pemotongan daging lembu di PDC



Perbincangan antara RISDA Holdings Sdn. Bhd. bersama Zajas Sdn. Bhd., berkaitan khidmat konsultansi untuk mendapatkan Pensijilan Halal

RETROSPEKTIF 2023

RISDA HOLDINGS SDN. BHD.

SEMINAR KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN RISDA HOLDINGS



Barisan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings



Sekitar Seminar Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings



Pembentangan berkaitan Sektor Agromakanan dari wakil korporat luar



Sekitar Seminar Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings

RETROSPEKTIF 2023

RISDA HOLDINGS SDN. BHD.

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN KERJASAMA BERSAMA
SYARIKAT LUFISIA SDN. BHD.



Majlis menandatangani Perjanjian Kerjasama Bersama Syarikat Lufisia Sdn. Bhd., bagi pembukaan RisSMart Grocery



Majlis menandatangani Perjanjian Kerjasama Bersama Syarikat Lufisia Sdn. Bhd., bagi pembukaan RisSMart Grocery



Barisan tertinggi RISDA Holdings Sdn. Bhd., dan Syarikat Lufisia Sdn. Bhd.



Persetujuan Kerjasama antara dua Syarikat

RETROSPEKTIF 2023

RISDA HOLDINGS SDN. BHD.

MESYUARAT AHLI LEMBAGA PENGARAH RISDA HOLDINGS SDN. BHD.



Anatara barisan Ahli Lembaga Pengarah RISDA Holdings Sdn. Bhd.



Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah RISDA Holdings Sdn. Bhd.



Mesyuarat diperengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Borhan bin Dolah, Pengerusi RISDA Holdings Sdn. Bhd.



Membincangkan agenda-agenda Mesyuarat ALP

RETROSPEKTIF 2023

RISDA HOLDINGS SDN. BHD.

POSTER

REKABENTOS & KEMERDEKAAN 2023
PENDUDAYAAN INTEGRITI
WARGA RISDA HOLDINGS SDN. BHD.
UNIT INTEGRITI RHSH

INTEGRITI
KEJUJURAN, KETELUSAN, KEIKHLASAN DAN
AMANAH DALAM MENJALANKAN TUGAS
BERUSAHAHALAH Mencari
KEBERKATAN REZEKI
DALAM PEKERJAAN

"Setinggi-tingginya Allah SWT menentuskan seorang manusia yang apabila dia bekerja, dia menyempadkan pekerjaan!"
 - Ibn Qayyim

JAUHI PERKARA - PERKARA YANG BOLEH MENJEJASKAN
INTEGRITI ANDA SEBAGAI PEKERJA
 SEBARANG ADUAN ATAU MAKLUMAT: SILA EMAIL KEPADA:
unitintegrirhsb@risda.com.my
 Google Form: <https://forms.gle/cnAaWkZ2x3llydHf6>

FEB 2023

REKABENTOS & KEMERDEKAAN 2023
PENDUDAYAAN INTEGRITI
WARGA RISDA HOLDINGS SDN. BHD.
UNIT INTEGRITI RHSH

SEKSYEN 17A
AKTA SURUHJAYA PENGESAHAN
RASUAH MALAYSIA (SPRM)
BERKUAT KUASA PADA 1 JUN 2020

Polisiaman perundangan: SPM, korpus membadikan organisasi kemasyarakatan di bawah sekiranya 17A Akta SPRM 2009 berkuat kuasa pada 1 Jun 2020.

Pekerja (i) telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah. Pekerja (ii) telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah. Pekerja (iii) telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah.

Proses penempatan kesatuan ini telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah. Pekerja (i) telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah. Pekerja (ii) telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah. Pekerja (iii) telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah.

Proses penempatan kesatuan ini telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah. Pekerja (i) telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah. Pekerja (ii) telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah. Pekerja (iii) telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah.

Kesatuan ini organisasi kemasyarakatan di bawah sekiranya 17A Akta SPRM 2009 berkuat kuasa pada 1 Jun 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah. Pekerja (i) telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah. Pekerja (ii) telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah. Pekerja (iii) telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah.

Kesatuan ini organisasi kemasyarakatan di bawah sekiranya 17A Akta SPRM 2009 berkuat kuasa pada 1 Jun 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah. Pekerja (i) telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah. Pekerja (ii) telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah. Pekerja (iii) telah dimarahkan memelihara kepatuhan media Pajanan Persekitaran Melayu pada 11 Mei 2020 dan kesatuan ini mempunyai banyak masalah.

JAUHI PERKARA - PERKARA YANG BOLEH MENJEJASKAN
INTEGRITI ANDA SEBAGAI PEKERJA
 SEBARANG ADUAN ATAU MAKLUMAT: SILA EMAIL KEPADA:
unitintegrirhsb@risda.com.my
 Google Form: <https://forms.gle/cnAaWkZ2x3llydHf6>

APRIL 2023

REKABENTOS & KEMERDEKAAN 2023
PENDUDAYAAN INTEGRITI
WARGA RISDA HOLDINGS SDN. BHD.
UNIT INTEGRITI RHSH

LARANGAN
PENGUNAAN KENDERAAN
RASMI JABATAN BAGI TUJUAN
PERIBADI

- ▶ Hantar dan ambil anak di sekolah
- ▶ Pergi membeli belah
- ▶ Sarapan/makan tengahari/ bersiar-siar
- ▶ Tujuan peribadi yang lain

MAKLUMKAN KEPADA KETUA JABATAN/KETUA UNIT JIKA BERLUKU PERKARA INI

JAUHI PERKARA - PERKARA YANG BOLEH MENJEJASKAN
INTEGRITI ANDA SEBAGAI PEKERJA
 SEBARANG ADUAN ATAU MAKLUMAT: SILA EMAIL KEPADA:
unitintegrirhsb@risda.com.my
 Google Form: <https://forms.gle/cnAaWkZ2x3llydHf6>

JUN 2023

REKABENTOS & KEMERDEKAAN 2023
PENDUDAYAAN INTEGRITI
WARGA RISDA HOLDINGS SDN. BHD.
UNIT INTEGRITI RHSH

SIJIL CUTI SAKIT PALSU
Mengemukakan Sijil Cuti Sakit Palsu atau
meminda Sijil Cuti Sakit merupakan
kesalahan tatatertib yang
SERIOUS!!

JAUHI PERKARA - PERKARA YANG BOLEH MENJEJASKAN
INTEGRITI ANDA SEBAGAI PEKERJA
 SEBARANG ADUAN ATAU MAKLUMAT: SILA EMAIL KEPADA:
unitintegrirhsb@risda.com.my
 Google Form: <https://forms.gle/cnAaWkZ2x3llydHf6>

OGOS 2023

REKABENTOS & KEMERDEKAAN 2023
PENDUDAYAAN INTEGRITI
WARGA RISDA HOLDINGS SDN. BHD.
UNIT INTEGRITI RHSH

PEGAWAI SPRM DIHUKUM
PENJARA
KERANA TERLIBAT RASUAH

Pada 19 Februari 2010, seorang pegawai SPRM berbangkit Penolong Penguasa dituntut di Mahkamah Sesean Khas Rasuah Shah Alam atas tiga pertuduhan di bawah sekiranya 16(1)(b) & 17(a) Akta Suruhjaya Pengesahan Rasuah Malaysia 2009. Beliau didakwa meminda, menyalah terima dan memperoleh bagi dirinya suapan wang tunai RM445,000.00 daripada seorang lelaki yang sedang disiasat SPRM. Rasuah bertujuan agar pegawai SPRM itu tidak meneruskan siasatan ke atas lelaki berkenaan kerana disyaki terlibat memberi rasuah kepada pegawai Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen.

Kes ini membuktikan SPRM sentiasa berakut terus dan profesional dalam menyiasat kes-kes rasuah yang dilaporkan. Walaupun melibatkan pegawai sendiri, siasatan SPRM tetap dijalankan secara menyeluruh berdasarkan peruntukan undang-undang. Akhirnya kes ini berjaya dituntut dan pegawai terlibat terbabit disabitkan hukuman. Keputusan ini dirayu oleh tertuduh.

JAUHI PERKARA - PERKARA YANG BOLEH MENJEJASKAN
INTEGRITI ANDA SEBAGAI PEKERJA
 SEBARANG ADUAN ATAU MAKLUMAT: SILA EMAIL KEPADA:
unitintegrirhsb@risda.com.my
 Google Form: <https://forms.gle/cnAaWkZ2x3llydHf6>

OKTOBER 2023

REKABENTOS & KEMERDEKAAN 2023
PENDUDAYAAN INTEGRITI
WARGA RISDA HOLDINGS SDN. BHD.
UNIT INTEGRITI RHSH

"JAGA JARI, BERMARUAH DIRI"

INTEGRITI MEDIA SOSIAL DALAM WARGA
KUMPULAN RISDA HOLDINGS

Hindari membuat sebarang pernyataan yang boleh menjejaskan imej dan dasar syarikat

JAUHI PERKARA - PERKARA YANG BOLEH MENJEJASKAN
INTEGRITI ANDA SEBAGAI PEKERJA
 SEBARANG ADUAN ATAU MAKLUMAT: SILA EMAIL KEPADA:
unitintegrirhsb@risda.com.my
 Google Form: <https://forms.gle/cnAaWkZ2x3llydHf6>

DISEMBER 2023

LANDSKAP OPERASI

RISDA ESTATES SDN. BHD.

DIREKTORI

Alamat : No. 31 Jalan Sulaiman 3,
Taman Putra Sulaiman, 68000
Ampang, Selangor.

No. Tel : 03 – 4270 4021
03 – 4270 4022

Emel : admin@risdaestates.com.my

Laman Web : www.risdaestates.com.my



M. AZMI BIN MOHD (MOHID)
Ketua Pegawai Eksekutif

KAMI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN

01

PENGURUSAN LADANG



RISDA Estates Sdn. Bhd. (RESB) mempunyai kepakaran dalam menguruskan 24 buah Ladang RISDA di seluruh negara, dengan keluasan 47,520 hektar tanaman sawit dengan mengamalkan Good Agricultural Practices (GAP) dan mematuhi prinsip - prinsip Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).

RISDA ESTATES SDN. BHD.

02 PENGURUSAN KILANG




Kilang Sawit RISDA Durian Mas, Terengganu – 60 mt/jam



Kilang Sawit RISDA Sg. Ambat, Johor – 45 mt/jam




Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong, Pahang – 60 mt/jam



RESB juga bertanggungjawab menguruskan 3 buah kilang sawit seperti di atas, di mana kilang - kilang sawit yang diuruskan ini memproses 500,000 metrik tan BTS setahun. Antara inisiatif penambahbaikan bagi meningkatkan kadar perahan minyak adalah penggunaan *bunch press* dan *destoner*. Kaedah ini dikenalpasti dapat meningkatkan kecekapan dan prestasi kilang.

RISDA ESTATES SDN. BHD.

03 PERKHIDMATAN PEMETAAN DIGITAL GPS-GIS



RESB juga menyediakan perkhidmatan pemetaan digital dengan menggunakan teknologi *Global Positioning System - Geographic Information System* (GPS - GIS) bagi membantu pihak pengurusan mengawalselia, membuat anggaran bajet dan membuat perancangan untuk menghasilkan keputusan yang lebih cepat dan tepat.

Pemetaan GPS - GIS meliputi kawasan sawit matang, sawit belum matang dan kawasan getah yang belum matang. Ia meliputi sempadan perimeter ladang, sempadan *field*, sempadan *sub-field*, jalan-jalan utama, jalan-jalan pertanian, struktur bangunan, sungai, parit, kolam, tasik, paya, kawasan terlebih tanam dan kawasan tidak bertanam.

Di samping itu juga, penyediaan peta kontor dan peta tanah bagi sesebuah ladang juga boleh dilaksanakan.

RISDA ESTATES SDN. BHD.

04 PERKHIDMATAN ANALISA MAKMAL, KAJIAN DAN KHIDMAT NASIHAT AGRONOMI



RESB menjalankan khidmat nasihat agronomi dan analisa makmal melalui ESPEK *Research and Advisory Services* (ERAS) yang terletak di Bangi. Di antara perkhidmatan yang dijalankan adalah analisis sampel daun, kompos, baja dan tanah, kajian feasibiliti, syor pembajaan dan nasihat pengurusan ladang. Selain itu, ERAS turut menjalankan penentuan kesesuaian tanaman dan pengklasifikasian siri tanah.

05 PEMBEKALAN BAHAN ORGANIK ESTATES (BOE)



RESB turut menyediakan bahan bio-organik dari sisa kilang yang berkonsepkan “*Waste to Wealth*” untuk diproses bagi menghasilkan baja organik untuk dijual kepada ladang RISDA dan pasaran luar.

RISDA PLANTATION SDN. BHD.

DIREKTORI

Alamat : Unit J, Excella Business Park,
Jalan Ampang Putra,
Ampang Hilir, 55100 Kuala Lumpur
No. Tel : 03 – 4270 5104
Emel : admin@risdaplantation.com.my
Laman Web : www.risdaplantation.com.my



MOHAMAD ARIF BIN ISMAIL
Ketua Pegawai Eksekutif

KAMI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN

01

PERLADANGAN DAN PROGRAM AGROMAKANAN



RISDA PLANTATION SDN. BHD.



RISDA Plantation Sdn. Bhd. (RPSB) menawarkan khidmat urus tanah kepada pekebun kecil dan juga agensi atau swasta. Bagi memudahkan dan meningkatkan kecekapan pengurusan tanah pekebun kecil, kesemua tanah – tanah berpotensi disatukan di bawah nama projek Tanam Semula Komersial (TSK).

Bagi khidmat urus tanah agensi/swasta, RPSB turut menguruskan projek ladang Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA), Projek Agropolitan, PROSDET Pantos, Ladang Risda Wilayah Ganda, tanah di bawah Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR), tanah di bawah Yayasan Terengganu dan lain – lain projek dengan pihak Kerajaan Negeri.

RISDA PLANTATION SDN. BHD.

02 KHIDMAT KONTRAK



RPSB menyediakan beberapa khidmat kontrak dari pelbagai segi, dari tahap permulaan sehingga tahap ladang telah siap. Bermula daripada kontrak pembangunan tanah atau ladang dan infrastruktur, pembekalan input pertanian dan servis tenaga kerja sehinggalah penyelenggaraan, penuaian hasil dan pengangkutan merupakan contoh perkhidmatan yang ditawarkan oleh RPSB.

RISDA SEMAIAN DAN LANDSKAP SDN. BHD.

DIREKTORI

Alamat : Tingkat 15,
Menara Korporat RISDA,
Jalan Ampang Ulu 3,
55000 Kuala Lumpur

No. Tel : 03 – 4815 7455

Emel : semaian1@risdasemaian.com.my

Laman Web : www.risdasemaian.com.my



ESA BIN RAHIMIN
Ketua Pegawai Eksekutif

KAMI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN

01

PENYEDIAAN BENIH GETAH DAN BENIH SAWIT (RISDA SEED)



RISDA Semaian dan Landskap Sdn. Bhd. (RSSB) telah dipertanggungjawab untuk menyedia dan membekal anak benih getah daripada berbagai klon yang diiktiraf oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM), serta benih kelapa sawit DxP secara profesional daripada sumber yang tulen dan diiktiraf oleh Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB), melalui RISDA Seed. RISDA Seed yang dibekalkan oleh RSSB ini turut dipasarkan kepada pihak luar, antaranya FELDA, Sime Darby, AAR dan Sawit Kinabalu.

RISDA SEMAIAN DAN LANDSKAP SDN. BHD.

02 PENGURUSAN LADANG SKIM



Selain itu, RSSB juga diberi mandat untuk menguruskan 9 buah Ladang Skim di seluruh negara yang berkeluasan 1,441.89 hektar pada tahun 2023 dengan tanaman sawit dan getah dengan mengamalkan Good Agricultural Practices (GAP) dan mematuhi prinsip - prinsip Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).

03 PERKHIDMATAN LANDSKAP



RSSB juga melaksanakan perkhidmatan landskap dan kerja sivil; yang meliputi pusat jualan pokok hiasan, khidmat rekabentuk, landskap dalaman, pembangunan penyelenggaraan landskap dan hiasan pentas. Selain itu, RSSB juga telah terlibat dalam pengurusan landskap bagi kediaman rasmi YB Perdana Menteri yang terletak di Putrajaya.

RISDA SEMAIAN DAN LANDSKAP SDN. BHD.



Pengurusan Landskap Kediaman Perdana Menteri Malaysia


RISDA SEMAIAN DAN LANDSKAP SDN. BHD.



Perkhidmatan Landskap Dalaman

RISDA SEMAIAN DAN LANDSKAP SDN. BHD.


04 PURI BUANA GARDEN WEDDING & AQUA GARDEN BANGI



RISDA Semaian & Landskap Sdn. Bhd. juga ada menyediakan khidmat sewaan tempat bagi majlis perkahwinan atau keraian berkonsepkan taman iaitu di Puri Buana Garden Wedding dan Aqua Garden Putrajaya.

Pelbagai pakej khas dengan harga yang menarik ditawarkan di kedua – dua *event hall* ini, di mana lokasi Puri Buana adalah di Lot 2991, Persiaran Kemajuan, Seksyen 16, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor. Manakala Aqua Garden terletak di 8, Persiaran Institusi, Kawasan Institusi Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

RISDA SEMAIAN DAN LANDSKAP SDN. BHD.



RISDA VENTURES SDN. BHD.

DIREKTORI

Alamat : Tingkat 11A,
Menara Korporat RISDA,
Jalan Ampang Ulu 3,
55000 Kuala Lumpur

No. Tel : 03 – 4815 7323

Emel : info@risdaventures.com.my

Laman Web : www.risdaventures.com.my



MOHD ROSLI BIN HASSAN
Ketua Pegawai Eksekutif

KAMI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN

01

EJEN MENGURUS KAD SMARTPAY PETRONAS



RISDA Ventures Sdn. Bhd. (RVSB) merupakan ejen mengurus kad Petronas Smartpay kepada kenderaan milik Kumpulan RISDA Holdings (KRH) bermula Februari 2023 serta akan dikembangkan kepada penggunaan PT RISDA seluruh Malaysia menjelang Mac 2024.

RISDA VENTURES SDN. BHD.

02 STESEN MINYAK



RISDA Ventures Sdn. Bhd. menguruskan Stesen Petronas Pagoh secara *Company Own Dealer Operate* (CODO) bertempat di Lot 1936, HSD 5161, Mukim Jorak, Pagoh, 84600 Pagoh, Muar Johor. Stesen ini telah beroperasi sepenuhnya pada Mac 2023 dan akan ditambah sebanyak empat (4) unit pada tahun 2024. RVSB juga sedang mengorak langkah untuk meneroka pasaran bidang solar.

RISDA VENTURES SDN. BHD.

03 MEMBEKAL MINYAK DIESEL



RVSB juga menyediakan perkhidmatan membekal minyak diesel bagi kegunaan jentera di ladang-ladang RISDA, Kumpulan RISDA Holdings (KRH) serta ladang-ladang swasta.

RISDA FLEET SDN. BHD.

DIREKTORI

Alamat : Tingkat 12,
Menara Korporat RISDA,
Jalan Ampang Ulu 3,
55000 Kuala Lumpur

No. Tel : 03 – 4815 7330

Emel : rfsbhq@risdafleet.com.my

Laman Web : www.risdafleet.com.my



MOHD ZULKIFLI BIN HASSAN
Ketua Pegawai Eksekutif

KAMI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN

01 KHIDMAT PENGANGKUTAN



RISDA FLEET SDN. BHD.

02 KHIDMAT PENGANGKUTAN (PENGANGKUTAN DARI KILANG KE STOR PUSAT)



03 KHIDMAT PENGANGKUTAN (MENGANGKUT MINYAK)



RISDA Fleet Sdn. Bhd. (RFSB) menyediakan pelbagai perkhidmatan yang lengkap dan penyelesaian logistik secara menyeluruh, di mana RFSB menawarkan perkhidmatan yang memudahkan pergerakan kargo pukal dan cecair kepada pelanggan di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Perkhidmatan penghantaran syarikat adalah terbahagi kepada tiga (3) iaitu penghantaran laut (kargo), udara (kargo) dan darat (kargo).

RISDA FLEET SDN. BHD.

04 PERKHIDMATAN BENGKEL & BAIK PULIH KENDERAAN



RFSB menyediakan perkhidmatan bengkel dan baik pulih kenderaan yang beralamat di RF Autogarage KL Pandan Jaya, No 18G, Jalan Pandan 3/7, Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur. Perkhidmatan ini ditawarkan kepada semua KRH dan staf bagi servis & membaik pulih kenderaan – kenderaan syarikat.

RISDA AGRO SDN. BHD.

DIREKTORI

Alamat : GRAHA ESPEK,
NO. 37-1 & 39-1, Jalan Sulaiman 3,
Taman Putra Sulaiman,
68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan.

No. Tel : 03 – 4270 4565 / 7565

Emel : rasb@risdaagro.com.my

Laman Web : www.risdaagro.com.my



MAT DAUT BIN AZIZ
Pengurus Operasi

KAMI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN

01

PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN LADANG



RISDA Agro Sdn. Bhd. (RASB) melaksanakan aktiviti tanam semula dan tanaman baru untuk semua jenis tanaman. Di samping itu, RASB turut menjalankan kerja – kerja menyelenggara ladang seperti membaja, meracun rumpai dan memangkas pelepah sawit.

RISDA AGRO SDN. BHD.

02 TUAI & ANGKUT




RASB juga melaksanakan aktiviti penuaian & pengangkutan Buah Tandan Segar (BTS) “Infield Collection”.

03 PEMASARAN KOMODITI



04 BEKALAN INPUT PERTANIAN



RASB turut menjalankan aktiviti pemasaran input pertanian seperti baja kimia, organik, racun serangga dan kulat.

RISDA LIVESTOCK SDN. BHD.

DIREKTORI

Alamat : NO. 39-2, Tingkat 2,
Jalan Sulaiman 3,
Taman Putra Sulaiman,
68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan.

No. Tel : 03 – 4270 6939

Emel : admin@risdalivestock.com

Laman Web : www.risdalivestock.com.my



SYED KUDRI BIN TUAN DALAM
Pengurus Operasi

KAMI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN

01 TERNAKAN LEMBU SECARA INTEGRASI SAWIT DAN TERNAKAN LEMBU FIDLOT



RISDA Livestock Sdn. Bhd. (RLSB) menjalankan perniagaan mengeluarkan lembu pedaging baka berkualiti melalui sistem penternakan secara integrasi ladang sawit. Selain itu, RLSB juga mengeluarkan lembu pedaging baka berkualiti secara fidlot untuk sembelihan qurban, serta untuk rangkaian aktiviti hiliran RISDA, iaitu RisSmart.

RISDA LIVESTOCK SDN. BHD.

02 BAJA ORGANIK RUMINAN



RLSB bertindak menghasil dan mengeluarkan baja organik yang berkualiti berasaskan tinja ternakan ruminan menggunakan teknologi mesra alam.

03 KHIDMAT LATIHAN PERTERNAKAN



RLSB memberi khidmat nasihat dan kepakaran tentang pemeliharaan lembu secara integrasi kepada agensi, syarikat serta pengusaha penternakan yang berminat.

SINERGI PERDANA SDN. BHD.

DIREKTORI

Alamat : Tingkat 10,
Menara Korporat RISDA,
Jalan Ampang Ulu 3,
55000 Kuala Lumpur

No. Tel : 03 – 4815 7260 / 7270

Emel : spenquiry@sinergiperdana.com.my

Laman Web : www.sinergiperdana.com.my



ABD. RAHIM BIN HASHIM
Ketua Pegawai Eksekutif

KAMI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN

01

MEMPROSES DAN MEMBEKAL BAJA



Sinergi Perdana Sdn. Bhd. (SPSB) berfungsi sebagai pengilang baja sebatian dan baja campuran berkapasiti 120,000 mt setahun (baja sebatian) dan 80,000 mt setahun (baja campuran).

SINERGI PERDANA SDN. BHD.

02 PEMBEKALAN BAJA



PELANGGAN KAMI :



Plantation



TH PLANTATIONS BERHAD

Registration No. 197201001069 (12696-M)
(Incorporated in Malaysia)



YP Plantation Holdings Sdn Bhd



KPF Niaga Sdn. Bhd.

(1261392-D)



**PERBADANAN PEMBANGUNAN
PERTANIAN NEGERI PERAK**
www.pppnp.gov.my



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

"Menggerak Membina Kemakmuran"

PERMODALAN RISDA BERHAD

DIREKTORI

Alamat : Tingkat 14,
Menara Korporat RISDA,
Jalan Ampang Ulu 3,
55000 Kuala Lumpur

No. Tel : 03 – 4815 7514

Emel : admin@prb-risda.com.my



Laman Web : www.permodalanrisda.com.my



PUTERA BIN SIDEK
Ketua Pegawai Eksekutif

KAMI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN

01 PEMBIAYAAN



Permodalan RISDA Berhad (PRB) menawarkan pembiayaan untuk empat (4) jenis kategori, iaitu pembiayaan rumah, pembiayaan kenderaan, pembiayaan komputer atau telefon pintar dan pembiayaan peribadi.



PERMODALAN RISDA BERHAD

02 PEMFAKTORAN



Khidmat bantuan kewangan kepada syarikat – syarikat yang berurusan dengan agensi Kerajaan atau Government Link Company (GLC) dengan kadar pinjaman sehingga 80 peratus daripada keseluruhan harga kontrak. Kadar caj perkhidmatan yang ditawarkan hanya di antara 1 – 1.5 peratus dan tempoh pembiayaan sehingga 365 hari.

03 SERVER DAN PUSAT DATA



PRB juga menyediakan perkhidmatan fizikal dan virtual server hosting dan pusat data yang dilengkapi dengan keupayaan pemulihan data selepas bencana.

RISDA SECURITY AND SERVICES SDN. BHD.

DIREKTORI

Alamat : Tingkat 13,
Menara Korporat RISDA,
Jalan Ampang Ulu 3,
55000 Kuala Lumpur

No. Tel : 03 – 4815 7400

Emel : rss@risdasecurity.com.my

Laman Web : www.risdasecurity.com.my




**MOHD KAMAL RUDZAMAN BIN
ABDUL MANAP**
Ketua Pegawai Eksekutif

KAMI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN

01

KAWALAN KESELAMATAN



RISDA Security and Services Sdn. Bhd. (RSS) bertanggungjawab menyediakan khidmat kawalan keselamatan ke atas bangunan-bangunan pejabat, stor dan ladang-ladang milik RISDA serta syarikat Kumpulan RISDA Holdings (KRH).

RISDA SECURITY AND SERVICES SDN. BHD.

02 PENGURUSAN HARTA



RSS juga menguruskan harta-harta milik RISDA termasuk penyewaan, pengawasan dan pengawalan bangunan-bangunan dan tanah-tanah RISDA.

03 PENGURUSAN BANGUNAN



RSS turut menyediakan khidmat pengurusan bangunan kepada aktiviti-aktiviti penyenggaraan bangunan / kilang milik RISDA dan KRH serta membekal peralatan kejuruteraan (awam, elektrik dan mekanikal).

RISDA SECURITY AND SERVICES SDN. BHD.

04 PENGURUSAN MAJLIS



RSS juga menguruskan aktiviti perniagaan melibatkan penyediaan tempat, perkhidmatan katering dan pengurusan majlis.

Lokasi – lokasi tersebut adalah :-

- Dewan Gemalasari RISDA, Jalan Ampang, Kuala Lumpur;
- Dewan Pusat Latihan RISDA (RISTEC), Port Dickson Negeri Sembilan;
- Puri Buana Wedding Garden, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Selain itu, RSS juga terlibat dalam memberikan perkhidmatan katering dan khidmat pengurusan majlis untuk semua mesyuarat / seminar / kursus dan majlis – majlis rasmi RISDA atau dengan pihak luar.

KOLEJ RISDA SDN. BHD.

DIREKTORI

Alamat : Lot 2020, 2048 & 2049,
Ayer Pa'abas, Alor Gajah,
78000, Melaka.

No. Tel : 06 – 552 9227
06 – 552 9642

Emel : admin@ucam.edu.my

Laman Web : www.ucam.edu.my



**DATIN FAIZATUL AKMAR BINTI
DATO' HISAN**
Ketua Eksekutif

KAMI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN

01 PUSAT LATIHAN



Kolej RISDA Sdn. Bhd. menawarkan pelbagai jenis kursus dari peringkat Asasi, Diploma sehingga Sarjana Muda. Pilihan fakulti – fakulti yang ada adalah Fakulti Agrosains, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Fakulti Sains Sosial dan Teknologi Maklumat.

KOLEJ RISDA SDN. BHD.

02 PUSAT PENYELIDIKAN



Di samping menjadi tempat untuk menimba ilmu, KRSB juga menjadi pusat penyelidikan untuk menjalankan kajian yang dicadangkan oleh Bahagian Pengembangan dan Pemindahan Teknologi RISDA.

03 PENGGALAK USAHAWAN MUDA



KRSB menubuhkan UCAMpreneur Excellence Centre (UEC) sebagai platform kepada pelajar atau alumni UCAM dan juga pekebun kecil RISDA, bagi memulakan langkah untuk berkecimpung di dalam dunia perniagaan.

PROTAC INSURANCE BROKERS SDN. BHD.

DIREKTORI

Alamat : No. 35,
Jalan Memanda 7,
Ampang Point,
68000 Ampang, Selangor.
No. Tel : 03 – 4251 1635 / 1636 / 1640
Emel : contact@protac.com.my
Laman Web : www.protac.com.my



ALZAFRY BIN ABU BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

KAMI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN

01

PERLINDUNGAN RISIKO DAN KEMALANGAN



PROTAC Insurance Brokers Sdn. Bhd. menawarkan perlindungan risiko dan kemalangan di dalam pelbagai sektor antaranya sektor pengangkutan, pembinaan, penternakan, tanaman dan lain – lain lagi.

PROTAC INSURANCE BROKERS SDN. BHD.

02 PEMBAHARUAN LESEN KENDERAAN MOTOR



PROTAC boleh membantu memperbaharui cukai kenderaan, dimana antara kelebihan menggunakan broker berbanding ejen adalah broker boleh membantu dari awal proses permohonan sehingga selesai.

RISDA BINA SDN. BHD.

DIREKTORI

Alamat : Tingkat 20B,
Menara Korporat RISDA,
Jalan Ampang Ulu 3,
55000 Kuala Lumpur

No. Tel : 03 – 4815 7466

Emel : admin@risdabina.com.my

Laman Web : www.risdabina.com.my



ZAKUAN BIN AHMAD
Pengurus Projek

KAMI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN

01 PEMAJU HARTANAH & KONTRAKTOR

RISDA Bina Sdn. Bhd. (RBSB) adalah sebuah kontraktor kelas G7 yang berdaftar dengan CIDB, pakar dalam kerja – kerja kejuruteraan sivil, infrastruktur, pengubahsuaian ruang pejabat, pembangunan taman perumahan dan komersial (antaranya di Taman Cindai Jaya, Mukim Sungai Petani, Kedah Darul Aman); selain membekal, membina dan menyiapkan bangunan rumah kakitangan dan rumah pekerja kilang sawit RISDA di Ulu Sedeli, Kota Tinggi, Johor Darul Takzim dan lain – lain.

RBSB turut melaksanakan projek – projek di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) antaranya kerja-kerja baikpulih dan naiktaraf jalan perhubungan desa untuk jalan kampung di Perak, Terengganu dan Johor.

RISDA BINA SDN. BHD.



Rumah Kedai 2 tingkat



Kedai Pejabat



Kilang Teres 1 1/2 tingkat



Unit rumah jenis honeycomb



Jalan Penghubung Desa
di Perak



Pengubahsuaian Pejabat



Bangunan rumah kakitangan dan rumah pekerja kilang sawit RISDA

KELESTARIAN PERNIAGAAN

TANGGUNGJAWAB DAN KOMITMEN RISDA HOLDINGS SDN. BHD.

RISDA Holdings Sdn. Bhd. (RHSB) sama sekali tidak melupakan tanggungjawab dan perhatian yang ditumpukan kepada masyarakat dan alam sekitar. Antara usaha yang telah diambil oleh RHSB, adalah implementasi teknologi bangunan hijau, di mana bangunan Korporat RISDA yang menjadi pejabat baharu RISDA Holdings bersama syarikat - syarikat KRH yang lain telah mendapat pensijilan GreenRE.

Ruang - ruang pejabat yang mengurangkan penggunaan lampu pada waktu pejabat juga dapat menjimatkan kos utiliti. Malah, dalam usaha memandangkan ke hadapan, RHSB turut mempunyai perancangan untuk meneroka pemasangan panel solar di tempat – tempat tertentu bagi meningkatkan penjimatan penggunaan elektrik.



Di bawah Kumpulan RISDA Holdings (KRH), terdapat syarikat – syarikat yang turut serta, seiring mengorak langkah ke arah Kelestarian Perniagaan bagi penjagaan alam sekitar, mengikut arus perdana semasa di dalam Revolusi Industri 4.0.

PENGGUNAAN BAJA ORGANIK

RISDA Estates Sdn. Bhd. (RESB) merupakan anak syarikat yang telah meneroka bidang penghasilan Baja Bahan Organik Estates (BOE). Saranan Ketua Pengarah RISDA ketika itu, iaitu YBhg. Datuk Mohammad Izat bin Hassan telah disambut baik dalam menangani isu lambakan tandan kosong untuk dijadikan *mulching*, yang melalui proses degradasi secara semulajadi.

Proses ini mengambil masa yang panjang, iaitu sekitar 6 bulan, dimana ianya telah menyebabkan peningkatan serangan serangga *Rhinoceros Beetle* (RB) dan menyukarkan pekerja dalam proses pembuangan buah tandan kosong.

Cetusan idea ini telah membawa kepada konsep pengurusan bahan buangan secara *Waste to Wealth*. Terdapat 3 jenis baja BOE yang dihasilkan oleh RESB iaitu Palm Oil Mill Effluent (POME), PLUS dan RAW.



RAW

Bahan mentah tandan kosong yang diracik, dan dicampurkan dengan mendapan kolam sawit POME yang melalui proses pengkomposan menggunakan mikrobs dan activator untuk meningkatkan kadar tindak balas. Kadar tindak balas adalah dalam masa 45 hari, setelah itu melalui proses pengkayaan nutrisi dan kawalan kualiti sebelum pembungkusan.



POME

BOE POME dihasilkan daripada effluent kolam Kilang Sawit RISDA yang dikeringkan dan dibungkus sebagai BOE POME.




PLUS

BOE PLUS pula dihasilkan dari sisa kelapa sawit menggunakan teknologi terkini yang diperkayakan dengan nutrient dan mikroorganisma berfaedah bagi membantu meningkatkan aktiviti mikrob dalam tanah.

INTEGRASI LADANG

RISDA Livestock Sdn. Bhd. mengadaptasikan Integrasi Agrikultural bagi menjimatkan kos makanan ternakan. Integrasi yang diaplikasikan dengan cara mencipta biodiversiti di antara lembu dan tumbuh-tumbuhan di dalam satu ekosistem tertutup. Mekanisme pelaksanaannya adalah dengan merangka petak pusingan ragutan di atas pelan ladang yang kemudiannya dipasang pagar elektrik bagi mengawal laluan binatang ternakan. Binatang ternakan tersebut akan mula meragut rumput dari petak pertama ke petak seterusnya secara bergilir. Tangki air bergerak turut disediakan untuk binatang ternakan. Satu pusingan lengkap boleh dianggarkan mengambil masa antara 80 – 90 hari dan apabila sumber makanan kurang, stok ternakan mesti dikurangkan (dijual). Impak positif usaha ini adalah ianya dapat mengurangkan penggunaan racun kimia dalam menjaga kitaran kehidupan di daratan dan lautan.



KANDANG

Kitaran pergerakan ternakan

KAWALAN BIOLOGI

RISDA Semaian dan Lanskap Sdn. Bhd. menggunakan kaedah kawalan biologi untuk mengawal serangga perosak di dalam aktiviti perniagaan mereka. Antara kaedah kawalan tersebut adalah menggunakan Pheromone untuk menarik serangga pemangsa bagi cacing daun bagi penanaman benih.



Burung Pungguk Jelapang



Pokok Tunera



PENSIJILAN MSPO

Semua ladang - ladang milik RISDA, Tanam Semula Komoditi (TSK) dan ladang – ladang SKIM diurus RISDA Plantation Sdn. Bhd. (RPSB), RISDA Semaian dan Landskap Sdn. Bhd. (RSSB) dan RISDA Estates Sdn. Bhd. (RESB) telah mendapat pensijilan daripada Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) yang diiktiraf daripada Malaysian Palm Oil Board (MPOB). MSPO merupakan inisiatif komitmen dalam memainkan peranan bagi pemeliharaan alam sekitar dalam sektor perladangan dan kemampanan perladangan.



PENGGUNAAN DRONE DI DALAM AGRIKULTUR

Era teknologi masa kini menuntut perubahan dan kebolehsuaian yang pantas, di mana penggunaan teknologi di dalam bidang pertanian dilihat dapat memberikan pelbagai pulangan yang positif; antaranya mampu mempercepatkan proses, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing serta meningkatkan pendapatan petani.

Justeru itu, dua (2) anak syarikat Kumpulan RISDA Holdings iaitu RISDA Estates Sdn. Bhd. dan RISDA Agro Sdn. Bhd. telah mengaplikasikan penggunaan drone di dalam aktiviti ladang. Drone telah digunakan untuk pemetaan pembangunan tanam semula, meracun, membaja dan memantau ladang, kaedah ini menjanjikan hasil yang lebih optimum dan efektif.




Penggunaan teknologi – drone di ladang kelapa sawit

PRESTASI KEWANGAN

RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN RISDA HOLDINGS 2023

Keuntungan sebelum cukai berjumlah RM52,029,233.



HALA TUJU



KUMPULAN RISDA HOLDINGS 2024 -2028

Kumpulan RISDA Holdings (KRH) telah meletakkan *Key Performance Indicator* (KPI) syarikat sebanyak RM400 juta dalam tempoh lima (5) tahun, dari tahun 2024 sehingga 2028 yang telah dipersetujui oleh semua Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Eksekutif pada Retreat CEO, 6 – 8 Februari 2024 yang lalu.

Bagi mencapai KPI tersebut, lima (5) dasar baru telah ditetapkan iaitu : -

- Kenaikan minima 10% bagi keuntungan sebelum cukai tahunan berbanding prestasi tahun sebelum;
- 30% sasaran perolehan perniagaan luaran;
- Keuntungan sebelum cukai (PBT) minima sebanyak RM1 juta bagi setiap KRH;
- Bajet 2024 - KRH mencapai PBT sebanyak RM66.2 juta dan ke arah mencapai keuntungan terkumpul bagi KRH sejumlah RM400 juta untuk tempoh 5 tahun (2024 – 2028); dan
- Melaksana budaya kerja MADANI (*High Performance Culture*).

UNJURAN KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI







HOLDINGS